

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS MALAM BERKANUN PERSATUAN BADAN-BADAN BERKANUN MALAYSIA  
Lokasi : HOLIDAY VILLA SUBANG JAYA  
Tarikh : 07-12-1993

Ketua Setiausaha Negara telah menasihatkan Badan-badan Berkanun supaya dapat mematuhi peraturan seragam yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk mereka. Ini mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan rasa tidak puas hati di antara agensi-agensi. Mereka juga digesa melaksanakan Sistem Saraan Baru Penilaian Prestasi dengan sebaik- baiknya.

Akhirnya Badan-badan Berkanun digesa mempraktikan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) di dalam semua pengurusannya dan menjadi budaya bagi anggota- anggotanya.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur majlis ini kerana memberi penghormatan kepada saya untuk hadir dan berucap pada malam ini.

Di negara kita, Badan-badan Berkanun adalah ditubuhkan berdasarkan Akta-Akta Parlimen dengan kuasa-kuasa dan peraturan tertentu yang ditetapkan oleh akta berkenaan. Pada hari ini punca kewangan dan peraturan-peraturan yang dipakai oleh badan-badan berkanun banyak menggunakan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Dengan lain-lain perkataan, Kerajaan masih tetap bertanggungjawab di atas segala hal ehwal di Badan-badan Berkanun, baik dari segi pelaksanaan operasinya mahupun pengurusan kakitangan dan sumber-sumber lain.

Dimasa yang lepas, terdapat kejadian dimana peraturan- peraturan ini yang sepatutnya dikuatkuasakan di semua peringkat pentadbiran awam telah tidak dipatuhi dengan sepenuhnya. Kejadian-kejadian seperti ini hanya meletakkan Kerajaan dalam keadaan serba salah serta menjatuhkan imej perkhidmatan awam keseluruhannya. Bagi menyeragamkan beberapa keputusan serta tindakan yang dibuat disemua peringkat perkhidmatan awam, ingin saya mengesyorkan supaya semua Badan Berkanun meneliti peraturan-peraturan yang telah dikeluarkan supaya mana-mana peraturan yang belum diterimapakai dapat dibuat keputusan oleh Lembaga masing-masing supaya peraturan itu dapat dilaksanakan dengan cara yang berkesan. Wakil agensi pusat (Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan) yang menganggotai Lembaga Pengurus/ Jawatankuasa/ Panel disetiap Badan Berkanun diminta memastikan peraturan dan panduan tersebut dipatuhi. Pemakaian peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh semua Agensi/Badan Berkanun secara seragam bukan sahaja akan dapat mengelakkan daripada penyalahgunaan kuasa, tetapi juga bagi mengelakkan rasa tidak puashati diantara satu agensi dengan satu agensi yang lain. Sebagai contoh, pemakaian peraturan- peraturan kenaikan pangkat yang berbeza dikalangan universiti- universiti tempatan akan hanya menimbulkan rasa tidak puashati diantara satu sama lain. Dengan pemakaian peraturan-peraturan yang seragam, kejadian-kejadian rasa tidak puashati seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Selanjutnya saya juga ingin menyentuh tentang pelaksanaan Sistem Baru Penilaian Prestasi yang sedang giat diuruskan sekarang ini. Aduan-aduan yang diterima dari anggota-anggota yang berkhidmat di Badan-badan Berkanun adalah agak besar jika dibandingkan dengan aduan dari Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Setengah-setengahnya ada yang mencabar kewibawaan PPG dan ada pula yang menuduh PPG tidak adil dan berat sebelah. Mengenai perkara ini saya suka mencadangkan supaya bagi tahun 1994 ini pihak-pihak pengurusan Badan-badan Berkanun hendaklah mengambil perhatian yang serius dan melaksanakan perkara ini sebaik mungkin. Semua keputusan hendaklah mempunyai asas yang kuat dan dapat dipertahankan supaya pihak yang terkilan tidak meragui tentang kewibawaan dan keteguhan sesuatu keputusan. Saya benar-benar mengharapkan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan supaya sistem yang baik ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan kesan positif yang diharapkan dari sistem tersebut akan dapat dipungut hasilnya kemudian.

Bercakap tentang Total Quality Management, ada beberapa isu utama yang saya ingin mengingatkan semula - iaitu isu akauntabiliti dalam pengurusan kewangan, ketetapan dalam penyediaan dan penyerahan Laporan Tahunan dan Kewangan dari segi timeliness dan accuracy. Isu pembudayaan kualiti oleh setiap warga organisasi juga perlu dipertingkatkan. Ini adalah untuk memastikan peningkatan

produktiviti organisasi yang berterusan. Sumbangan Badan-badan Berkanun sebagai Badan Awam bukan sahaja mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan pencapaian wawasan negara tetapi ia juga menjadi penyokong kepada pelaksanaan strategi oleh agensi-agensi pusat serta Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

Saya juga ingin menekankan bahawa Kerajaan masa kini memberi penekanan ke arah pembentukan tenaga kerja yang bukan sahaja professional dan berkeupayaan tinggi, tetapi juga untuk mewujudkan tenaga kerja yang mampu mendokong dan melaksanakan Wawasan 2020. Untuk ini, setiap Badan Berkanun mestilah mengadakan program pembangunan warganya dengan lebih menyeluruh, terancang dan bersepadu. Ini amat penting memandangkan lebihkurang 6% daripada tenaga kerja negara terdiri daripada tenaga kerja Badan Berkanun. Dalam merangka program latihan, Badan Berkanun juga perlu peka kepada keperluan untuk latihan yang menyeluruh, iaitu latihan yang merangkumi mental, fizikal dan spiritual.